

**Jenis Akhbar** : Sinar Harian  
**Tarikh** : 20/04/2020  
**Edisi / Muka Surat** : Nasional / 28  
**Tajuk** : ANGKASA sumbang 1,800 cermin mata keselamatan kepada frontliners

## Angkasa sumbang 1,800 cermin mata keselamatan kepada *frontliners*

**ANGKATAN** Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) melalui syarikat bersekutu kepada anak syarikatnya iaitu MyAngkasa Optikal Sdn Bhd menyerahkan 1,800 cermin mata keselamatan yang boleh dikitar guna kepada petugas barisan hadapan yang berjuang menangani penularan koronavirus (Covid-19).

Kesemua cermin mata keselamatan berkenaan diserahkan untuk kegunaan petugas barisan hadapan yang berdepan dengan risiko jangkitan ketika menjalankan tugas.

“Ia juga merupakan satu bentuk penghargaan kepada petugas yang mempertaruhkan nyawa dan mengorbankan masa serta tenaga bagi memastikan kesihatan

awam terjamin pada waktu yang mencabar ini,” menurut kenyataan itu.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah menyerahkan sumbangan itu kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Sha’ari Ngadiman di Wisma Sunway, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.